

Peluang rakam ucapan terima kasih kepada Dr. M

27 OCT 2003
KUALA LUMPUR 20 OKT.

Program khas Dr. Mahathir Jasamu Dikenang sempena persaraan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dilancarkan hari ini bagi memberi peluang kepada rakyat merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas yang melancarkan program itu berkata, pelbagai acara disusun sempena program tersebut, antaranya khidmat pesanan ringkas (SMS), kempen tanda tangan, larian 5 kilometer, acara lukisan dan pameran 'terowong masa'.

Katanya, SMS merupakan perkhidmatan yang membuka ruang kepada seluruh rakyat Malaysia untuk menyampaikan penghargaan kepada Dr. Mahathir dan pada masa yang sama mengucapkan selamat kepada bakal Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perkhidmatan SMS yang terbuka kepada pengguna telefon bimbit 012, 013, 016, 017 dan 019 bermula hari ini hingga 31 Oktober.

Menurut Kayveas, semua SMS itu akan dimuatkan ke dalam cekera padat dan diserahkan kepada Perdana Menteri pada 31 Oktober.

Program tanda tangan kain rentang terpanjang di Malaysia pula akan mengumpul tangan tangan rakyat Malaysia di seluruh negara, katanya pada sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Program ini yang menggunakan kain sepanjang 330.8 meter akan dimasukkan ke dalam Malaysia Book of Records dalam kategori tanda tangan kain rentang terpanjang di Malaysia.

"Larian 5 kilometer akan diadakan pada 25 Oktober ini di dataran Merdeka sebagai menghargai sumbangan Dr. Mahathir Mohamad dalam pembangunan sukan," ujar Kayveas yang juga menjadi penaung bagi program tersebut.